

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
(PUTATAN)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH [PUTATAN] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

- (a) apakah kedudukan syarikat penerbangan negara, Malaysia
Airline System (MAS) selepas beberapa malapetaka yang dialami
oleh MAS ; dan
- (b) sama ada MAS lebih berdaya saing serta berjaya menstabilkan
pengurusan perniagaannya berikutan dengan perantikan Chief
Executtve Officer (CEO) yang baru terutama sekali saingan yang
diberikan oleh syarikat penerbangan bajet murah yang lain .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysian Airline System Berhad (MAS) menghadapi dua insiden besar pada tahun 2014 berkaitan MH 370 dan MH19. Insiden ini telah memberi kesan yang besar kepada MAS terutamanya kesan ke atas operasi syarikat. Pada 29 Ogos 2014, Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) telah mengumumkan Pelan Pemulihan MAS (PPM) yang melibatkan rombakan menyeluruh syarikat penerbangan tersebut. PPM memberi tumpuan kepada 12 bidang utama meliputi proses Tadbir dan Rangka Kerja Kewangan, Model Operasi Perniagaan, Kepimpinan dan Modal Insan serta Pengawalseliaan. Sejak beroperasi mulai 1 September 2015, Malaysia Airlines Bhd (MAB) telah mencatatkan kemajuan positif selaras dengan hasrat PPM, dimana MAB akan terus memberi tumpuan kepada pelaksanaan inisiatif-inisiatif untuk memulihkan prestasi perkhidmatan dan kewangan syarikat.

Prestasi Tempahan dan Muatan Penumpang

Bagi suku pertama tahun 2017, jumlah penumpang meningkat sebanyak 12.9% berbanding suku pertama 2016 kepada 3.57 juta penumpang dengan peningkatan muatan penumpang (*load factor*) kepada 79.4% dibandingkan 68.9% pada tahun 2016. Tempahan ke

hadapan (*forward booking*) yang diterima oleh MAB juga meningkat sebanyak 45% untuk tempoh enam bulan dari bulan Jun hingga November 2017 berbanding tempoh yang sama 2016.

Tambahan Laluan Penerbangan Baharu

Sepanjang tahun 2017 hingga 2018, MAB akan menambah 11 laluan penerbangan baharu ke negara China daripada Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Kota Kinabalu. Antara laluan yang telah dikenal pasti termasuklah Wuhan, Fuzhou dan Chongqing. Selain itu, syarikat baharu yang khas untuk penerbangan haji dan umrah akan beroperasi pada suku ketiga tahun 2018 yang akan beroperasi menggunakan enam buah pesawat A380.

Penggunaan Pesawat Baharu

Buat masa kini, MAB beroperasi dengan 54 buah pesawat Boeing 737-800, 15 buah pesawat Airbus A330-300 dan 6 buah pesawat Airbus A380. Pertumbuhan pesat khususnya bagi penerbangan antarabangsa memerlukan tambahan pesawat untuk tahun 2018 dan 2019. MAB bercadang untuk memajak 6 buah

pesawat baharu Airbus A350 dan penghantaran pesawat pertama dijangka diterima pada penghujung tahun 2017. Pesawat Airbus A350 ini akan beroperasi bagi laluan KL-London Heathrow bermula pada suku kedua tahun 2018. Selain itu, bagi pembelian 25 buah pesawat Boeing 737 MAX-8, ia dijangka akan diterima secara berperingkat bermula suku keempat tahun 2019. Pesawat baharu ini dijangka akan dapat menjimatkan kos bahan api dan seterusnya dapat mengurangkan kos operasi MAB.

Tuan Yang di-Pertua,

Mr. Peter Bellew telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) yang baharu bagi menerajui MAB dan melaksanakan rancangan pemulihan syarikat yang telah disusun oleh Khazanah. Sehingga kini, pelbagai strategi dan inisiatif di bawah PPM telah menunjukkan perkembangan yang positif dan MAB dijangka mencatatkan keuntungan menjelang tahun 2018 serta disenaraikan semula di Bursa Malaysia pada tahun 2019.